

24 JUL 1999

Razaleigh-Maaf

MOHON MAAF BAGI WUJUDKAN PERSEFAHAMAN, KATA KU LI

KOTA BAHARU, 24 Julai (Bernama) -- Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah menjelaskan tindakannya memohon maaf secara terbuka kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dua hari lepas bertujuan menutup persengketaan masa lampau dan menunjukkan tiada lagi keraguan dalam hubungan mereka.

Beliau berkata, tindakan memohon maaf secara ikhlas itu juga bagi mewujudkan persefahaman yang mendalam antara semua anggota Umno supaya senang bergerak menghadapi pilihan raya umum akan datang.

"Tidak ada siapa yang boleh guna isu ini (persengketaan) untuk melaga-lagakan kita," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Jawatankuasa Komunikasi Badan Perhubungan Umno Kelantan di sini, hari ini.

Pada peristiwa bersejarah yang berlaku di hadapan kira-kira 2,000 anggota parti komponen Barisan Nasional (BN), Tengku Razaleigh memohon maaf kepada Umno dan Perdana Menteri yang semasa itu berada dalam rangka lawatan ke Kelantan kerana tindakannya sehingga menyebabkan parti itu diisytiharkan haram pada 1987.

Manakala Dr Mahathir selaku Presiden Umno, yang menyambut baik permohonan maaf Tengku Razaleigh, turut meminta maaf kepada bekas Presiden parti Melayu Semangat 46 (S46) jika ada menyimpan perasaan marah terhadapnya.

Tengku Razaleigh berkata, bekas anggota S46 yang kini menjadi anggota Umno juga perlu memohon maaf sesama mereka sekiranya terdapat perselisihan fahaman selama ini.

"Islam pun galakan, budaya Melayu pun galakkan kita dengan ikhlas meminta maaf antara satu sama lain walaupun atas perkara kecil. Walaupun kita tidak melakukan sesuatu yang salah atau pun silap, manalah tahu dengan tidak sengaja kita telah melakukannya dan telah menyentuh perasaan pihak yang sebelah lagi," katanya.

Ditanya adakah beliau dan Umno sedia memaafkan anggota PAS yang ingin menyertai Umno, Tengku Razaleigh berkata: "Umno tidak ada masalah, kita sedia maafkan, cuma tunggu orang PAS masuk Umno,".

Sementara itu, Tengku Razaleigh yang juga Ketua Umno bahagian Gua Musang berkata jawatankuasa komunikasi Badan Perhubungan Umno Kelantan sedang mengatur kempen penerangan di seluruh negeri ini dan menyelaraskan kegiatan antara Umno dan agensi-agensi Kerajaan Pusat bagi mengelak percanggahan.

"Kita rasa program yang tersusun dengan baik akan memberi kesan yang meluas kepada rakyat. Kita mesti menyedarkan rakyat akan tujuan kita bergerak di negeri ini seperti kenapa kita perlu mengambil alih pimpinan negeri Kelantan selepas pilihan raya umum akan datang," katanya.

Beliau juga berkata, jawatankuasa berkenaan sedang mengatur satu perhimpunan besar-besaran bagi menyambut ulang tahun hari kebangsaan pada 31 Ogos ini.

Turut hadir pada mesyuarat jawatankuasa komunikasi itu ialah Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Annuar Musa, Ketua Penerangan Umno Kelantan Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir, Setiausaha Umno Kelantan Datuk Ahmad Shahibuddin Mohd Noor dan Ketua Umno bahagian Jeli Datuk Mustapa Mohamad.

-- BERNAMA

BD PR